

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN
ISMAIL
[PAYA BESAR]**

NO. SOALAN : 65

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan peratusan liputan bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan jalan luar bandar, terutama di negeri Pahang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peratusan liputan bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar dan jalan luar bandar di negeri Pahang adalah seperti berikut:

Program	Peratusan Liputan
Jalan Perhubungan Desa (JPD)	Sepanjang tempoh pelaksanaan National Key Result Areas (NKRA) di antara tahun 2013-2015, Kementerian di bawah Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) telah berjaya membina / menaiktaraf / membaikpulih jalan-jalan kampung sepanjang 148.37km di Negeri Pahang. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian mensasarkan untuk membina/menaiktaraf/ membaikpulih jalan-jalan kampung sepanjang 125km.
Jalan Luar Bandar (JALB)	Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, jalan luar bandar sepanjang 290.6km telah dibina/dinaik taraf di negeri Pahang. Pihak Kementerian tidak mempunyai data mengenai panjang sebenar jalan luar bandar yang perlu dilaksanakan di Negeri Pahang. Walaubagaimanapun, berdasarkan maklumat di bawah data MARRIS yang diberikan oleh pihak JKR sehingga tahun 2015, sepanjang 2,224km jalan telah dibina. Oleh yang demikian Kementerian akan sentiasa komited untuk membina dan melaksanakan projek-projek yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Di bawah RMKe 11 dianggarkan sepanjang 195.4km jalan akan dibina di Negeri Pahang.

Program	Peratusan Liputan
Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	Peratusan liputan sebanyak 96% telah mendapat manfaat bekalan air bersih dan terawat.
Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	Peratusan liputan sebanyak 99% telah mendapat manfaat bekalan elektrik 24 jam.

SOALAN (66)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
[SABAK BERNAM]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah sambutan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) dan nyatakan jumlah permohonan lengkap yang diterima semenjak dibuka 7 April 2016 lalu serta sejauh manakah ianya mampu meningkatkan pemilikan rumah di kalangan kumpulan berpendapatan sederhana (M40).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi Skim MyDeposit untuk tahun 2016. Permohonan Skim MyDeposit ditawarkan kepada pemohon yang berkelayakan berpendapatan isi rumah antara RM3,000 hingga RM10,000 yang mensasarkan pembeli rumah pertama.

Kerajaan akan terus komited untuk meneruskan pelaksanaan Skim MyDeposit setiap tahun, tertakluk kepada keupayaan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Untuk rekod, dari 6 April 2016 sehingga 30 April 2016, Kementerian telah menerima sebanyak 3,609 permohonan yang lengkap.